

U/M (m/s 36) 28/02/2017

# Sasar 10,000 kios Cocoa Pacak pertengahan tahun ini

**KUALA LUMPUR 27 Feb.** - Kejayaan memperoleh kutipan sebanyak RM1.5 juta dengan jualan sebanyak 1.5 juta cawan minuman Cocoa keluaran Kumpulan HR sejak diperkenalkan tiga bulan lalu, memberi keyakinan kepada syarikat itu melahirkan sebanyak 10,000 kios Cocoa Pacak menjelang pertengahan tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif HR Marketing Sdn. Bhd., Datuk Hashim Jahaya berkata, kerjasama yang dijalin bersama Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) membolehkan minuman tersebut dipasarkan dan dijual di kira-kira 2,500 koperasi sekolah menengah.

Menurutnya, selain perisa yang enak, minuman tersebut bernutrisi lengkap dengan lapan jenis

makanan suriah termasuk susu kambing dan kurma.

"Kita akan beri latihan tentang cara-cara bancuhan yang betul kepada usahawan yang ingin menyertai program Cocoa Pacak ini, setakat ini kita telah melahirkan lebih 200 orang usahawan dan rata-rata mereka berjaya memperoleh pendapatan antara RM400 hingga RM500 sehari."

"Kami percaya kerjasama ini dapat meningkatkan jualan dan sasaran kita ialah di sekolah-sekolah serta institusi pengajian tinggi kerana harga minuman ini hanya RM1 se-cawan, kami yakin sebanyak 10,000 kiosk dapat dibuka menjelang pertengahan tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis mendatangkan perjanjian strategik

bersama Angkasa di Kelana Jaya, dekat sini hari ini.

Hadir sama Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Kumpulan HR yang diwakili Hashim dan Pengurus Besar HR Marketing Sdn. Bhd., Amri Hashim; MyANGKASA Farmasi Sdn. Bhd., yang diwakili Pengurusnya, Datuk Aliasak Ambia dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Shaharuddin Mohamed serta MyKhairat Management Services Sdn. Bhd., yang diwakili Pengarah Pemasaran, Suhairi Md. Nor dan Pengarah Urusannya, Mohd. Yusni Ismail.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, program keusahawanan Cocoa Pacak itu telah dirangka bagi memberi manfaat kepada koperasi-koperasi ahli Angkasa.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (tengah) menyaksikan Hashim Jahaya (tiga dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Aliasak Ambia dalam majlis menandatangani perjanjian strategik bersama Angkasa di Kelana Jaya, dekat Kuala Lumpur, semalam.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia